



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 MAC 2024 (KHAMIS)

Lembu Berkeliaran Atas Jalan Ditangkap

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	17	7 Mac

Lembu berkeliaran atas jalan ditangkap

GUA MUSANG – Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) menangkap 10 ekor lembu yang berke-liaran di lima lokasi hot spot kerap berlaku nahas di daerah ini.

Setiausaha MDGM, Ahmad Hamdan Ubaidah berkata, tangkapan itu dibuat dalam operasi sejak Januari lalu hingga kelmarin.

Lokasi yang dipantau ialah Jalan Sungai Asap-Limau Kasturi, Jalan Felda Chiku 3-Felda Chiku 7, Jalan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3-RKT Kesedar Chalil, Jalan Gua Musang-Kuala Krai dan Jalan Sungai Terah-Kampung Meranto.

“Lima ekor lembu itu ditangkap di Felda Chiku 7, Felda Chiku 2 dan Taman Agropolitan Rantau Manis,” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Ahmad Hamdan, operasi itu melibatkan 20 anggota Jabatan Penguatkuasaan MDGM, Jabatan Veterinar dan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Gua Musang.

“Pemilik haiwan boleh membuat tuntutan semula dalam masa tujuh hari.



KERATAN Kosmo!
26 Februari 2024.

“Operasi ini akan diadakan secara berjadual kerana terdapat banyak kes kemalangan melibatkan haiwan di daerah ini sejak akhir-akhir ini.

“Pemilik perlu bertanggungjawab menjaga haiwan peliharaan dan tidak menimbulkan gangguan sehingga mengancam keselamatan orang awam,” katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang wanita yang bertarung nyawa lebih tiga hari selepas merempuh seekor anak lembu melintas di daerah ini sebelum dia akhirnya meninggal dunia pada 25 Februari lalu.

Mangsa, Fazleen Mohd. Yusoff, 31, menghembus nafas yang terakhir di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada pukul 1.10 pagi selepas mengalami kecederaan parah pada kepala.



ANGGOTA penguat kuasa MDGM menangkap seekor lembu yang berkeliaran di lokasi kerap berlakunya kemalangan di Gua Musang kelmarin.

Mmegey Poso Tradisi Unik Rakyat Kelantan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Rencana	17	7 Mac



TIDAK seperti hari-hari biasa, daging lembu menjadi pilihan warga Islam di Kelantan sempena *Mmegey poso*.

Mmegey poso tradisi unik rakyat Kelantan

KHABAR
DARUL
NAIM
Oleh
Yatimin
Abdullah



MMEGEY *poso* atau sehari sebelum kedatangan Ramadan merupakan amalan tradisi unik sebelum umat Islam berpuasa selama sebulan masih menjadi amalan rakyat Kelantan sehingga hari ini.

Walaupun zaman sudah berubah, namun tradisi itu kukuh terpatri malah dilihat semakin subur dalam kalangan generasi muda pada hari ini sekali gus menyambung legasi yang ditinggalkan oleh orang tua-tua dahulu.

Kemeriahan itu dapat dilihat apabila ada dalam kalangan rakyat sanggup mengambil cuti semata-mata mahu membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan penuh berkat.

Bermula seawal 7 pagi,

penduduk di negeri ini akan berpusu-pusu membanjiri pasar termasuk gerai tepi jalan bagi mendapatkan pelbagai barangan keperluan sama ada basah atau kering. Ayam dan daging lembu segar tempatan menjadi pilihan.

Jika hari-hari biasanya kebanyakan penduduk negeri ini menjadikan ikan sebagai lauk utama untuk dimakan bersama keluarga tetapi situasi itu berbeza setiap kali *mmegey poso* apabila ayam dan daging lembu segar tempatan menjadi pilihan untuk di jamah semasa bersahur pada hari pertama puasa.

Permintaan tinggi terhadap bahan mentah itu membuatkan peniaga tersenyum lebar apabila barangan tersebut licin sekelip mata, berbeza pada hari-hari biasa.

Bayangkan 200 kilogram daging lembu segar tempatan 'licin' dalam tempoh tiga jam pada hari *mmegey poso*.

Kebiasaan, daging goreng kunyit menjadi hidangan wajib untuk dinikmati pada hari pertama bersahur.

Sempena *mmegey poso*, anak-anak Kelantan yang

berada di perantauan akan berduyun-duyun pulang ke negeri ini untuk bersahur bersama ibu dan ayah di kampung masing-masing.

Situasi itu dapat dilihat apabila ribuan kenderaan memasuki negeri ini melalui Gua Musang sehingga berlakunya kesesakan lalu lintas.

Selain bersahur, tradisi ini diteruskan dengan menunaikan solat terawih pada malam pertama Ramadan bersama keluarga serta sahabat-handai di kampung.

PERTAHANKAN TRADISI

Inilah tradisi unik yang perlu dipertahankan generasi muda pada masa akan datang supaya tidak luput ditelan zaman.

Walaupun tidak mempunyai kaitan dengan ajaran Islam, namun amalan yang baik itu perlu dikekalkan dalam mengukuhkan penyatuan sesama ahli keluarga. Inilah uniknya Kelate.

Kor guano?

PENULIS ialah Koresponden Utusan Malaysia Kelantan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR